

Hadzlihady Hassan
hadzlihady@hmetro.com.my

Georgetown

Kalut cari 'bayi bulu'

■ Wanita redah api marak
selamatkan kucing peliharaan

Kerana kasih terhadap kucing peliharaannya, seorang wanita sanggup berpatah balik untuk menyelamatkan haiwan itu walaupun menyedari api sedang marak membakar rumahnya di Kampung Baru, Sungai Ara, di sini, malam kelmarin.

Walaupun beberapa jiran menghalang kerana khuatir dengan keselamatannya, wanita terabit Nur Syafiqah Othman, 23, akhirnya lega apabila seekor anak kucing yang baru berusia dua minggu berjaya diselamatkan.

Bagaimanapun, dia tetap kecewa kerana dua lagi anak kucing peliharaannya rentung dalam kebakaran jam 11.15 malam itu.

Keadaan menjadi bertambah pilu apabila ibu kucing yang pada mulanya disangkakan turut rentung dilihat berada dalam rumah sejurus api dipadam dan haiwan itu menerpa masuk untuk mencari anaknya.

Menceritakan kejadian itu, Nur Syafiqah berkata, dia panik dan melarikan diri keluar dari rumah selepas melihat percikan api yang kemudian menyambar bumbung kediaman milik bapanya itu.

"Saya hanya sempat mencapai beg mempunyai dokumen peribadi namun selepas keluar rumah saya teringat kucing peliharaan dan berpatah balik untuk mencari haiwan itu.

"Mujur beberapa jiran menghalang dan hati saya gembira seketika apabila melihat seekor daripada anak ku-

cing itu berada di luar rumah disusuli penemuan ibu kucing sejurus api dipadam," katanya yang memelihara kucing terabit sejak hampir setahun lalu.

Menurutnya, ketika kejadian dia sedang menonton televisyen bersama ahli keluarga sebelum terhidu bau asap yang disangka berpunca daripada pembakaran sampah.

"Bagaimanapun beberapa jiran memberitahu rumah nenek saya yang juga bersebelahan rumah didiami kami sekeluarga terbakar di tingkat atas.

"Api yang dipercayai berpunca daripada fuis elektrik utama itu menyambar dengan cepat hingga merebak ke rumah kami dan mujur ketika itu nenek tiada di rumah kerana keluar membeli makanan," katanya yang bersyukur kerana mereka sekeluarga terselamat dalam kejadian itu.

Sementara

itu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bayan Baru Penolong Kanan Penguasa Bomba Rohaizat Yusof berkata, pemeriksaan awal mendapati kebakaran dipercayai berlaku akibat litar pintas, namun pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut.

Bellau berkata, pihaknya mengambil masa selama 15 minit untuk mengawal api dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.



"IBU kucing masuk ke dalam rumah mencari anaknya.

NUR Syafiqah memegang anak kucingnya yang terselamat dalam kebakaran.